



SASTERA NASIONAL: ANTARA SASTERA INGGERIS DAN SASTERA MELAYU

**[NATIONAL LITERATURE: BETWEEN THE ENGLISH LITERATURE AND
MALAY LITERATURE]**

Hashim Ismail

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur
Corresponding author: shim@um.edu.my

ABSTRAK

Sastera Melayu sebagai sastera yang menyatukan semua kaum sama ada kaum bumiputera atau bukan bumiputera adalah sudah jelas, namun pandangan untuk mencabar kedudukan sastera Melayu sebagai sastera kebangsaan sentiasa muncul dalam bentuk polemik. Setelah globalisasi menjadi satu bentuk perubahan pemikiran pascamoden, persoalan berteraskan satu kaum dipertikaikan atau mula disemak kembali. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah deskripsi dan perbandingan untuk membincangkan kepentingan penggunaan Bahasa Melayu dalam sastera kebangsaan. Kajian ini juga membincangkan sama ada kita wajar menerima sastera berbahasa Inggeris yang dipandang oleh setengah pihak sebagai bahasa penyatuan baharu dunia sastera. Sumber data utama adalah hujah-hujah yang dilontarkan oleh dua orang ahli sastera negara iaitu Muhmamad Haji Salleh dan Wong Phui Nam. Kajian ini menegaskan bahawa Sastera Melayu perlu kekal sebagai sastera kebangsaan manakalan sastera bukan berbahasa Melayu boleh berkembang dengan sendirinya mengikut acuan masing-masing.

Kata Kunci: Sastera kebangsaan, sastera Malaysia, sastera etnik, sastera Melayu, sastera Melayu mutakhir

ABSTRACT

Malay literature is hoped to unite the multi-racial Malaysian through the use of Malay Language which is the national language of the country. However, the recognition of Malay literature as national literature is not free from criticism. This national identity began to be contested with the arrival of postmodernism. This qualitative research employed descriptive and comparative methods to provide insights into the importance of having national literature that is written in Malay language. This paper also discusses whether literature written in English should be recognized as the national literature since the language emerges as the global language used by people from different backgrounds. The main data sources are the views of two national poets -Muhmamad Haji Salleh and Wong Phui Nam - which were critically compared and synthesized. This paper concludes that Malay literature should remain as national literature whilst literature written in other languages should be allowed to flourish in their own unique ways.

Keywords: National literature, Malaysian literature, sectional literature, Malay literature, contemporary Malay literature

1.0 PENGENALAN

Persoalan konsep Sastera Kebangsaan dicabar kerana wujudnya ketidakfahaman secara mendalam tentang sejarah identiti “Kebangsaan” yang terbentuk. Isu ini juga dipolemikkan untuk mendapat hak-hak setelah penggiat di luar sastera kebangsaan berpandangan mereka dipinggirkan. Malahan sastera kebangsaan yang termasuk dalam agenda nasional dianggap adalah digerakkan oleh para nasionalis yang didominasi oleh kaum Melayu. Para Nasionalis Melayu memastikan Bahasa Melayu dan Islam sebagai agama rasmi yang dicatatkan dalam Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan adalah landasan penting konsep kebangsaan (Hooker, 2004).

Konflik kontemporari muncul kerana berlakunya perubahan sosial dan pembentukan konsep bangsa Malaysia yang antara lain dipisahkan melalui sistem pendidikan sedia ada, dan dasar-dasar politik yang mementingkan perpaduan kaum. Bagaimanapun perpaduan itu berlaku dalam keadaan yang masih berbelah-bahagi. Pilah-pilah pendidikan memecahkan mereka untuk berintegrasi antara kaum sehinggalah mereka bergaul semula di persekitaran sosial pada alam pekerjaan dalam situasi rasmi yang berbeza dengan penekanan bahasa komunikasi “rasmi” yang lebih kontemporari.

Pilah bahasa dan persekitaran sosial juga membentuk dikotomi komuniti, sehingga wujud pemisahan terutamanya antara sektor awam dan sektor swasta. Malah generasi yang mewakili masyarakat terbanyak dari kampung dianggap pendokong bahasa kebangsaan, dan masyarakat bandar menjadi kononnya generasi elit umumnya memperagakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama komunikasi. Dikotomi persekitaran sosial ini menyebabkan bahasa Melayu turun ke tahap bahasa kedua yang menjadi dilema penuturnya sebagai satu krisis keyakinan.

Krisis keyakinan terhadap identiti kaum sendiri menyebabkan munculnya generasi baharu yang hilang keyakinan terhadap kefahaman konsep kebangsaan sedia ada. Kemasukan sistem maklumat yang berkuasa supermega memecahkan norma-norma identiti untuk sebahagian besar generasi tidak lagi mementingkan soal kebangsaan yang dilihat gagal menyatukan mereka dalam satu sistem persekitaran sosial yang baharu. Dengan itu alternatif yang diyakini adalah dari bahasa yang lebih luas penggunaannya dalam media supermega mereka, bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa komunikasi baharu. Justeru muncul pandangan marginal yang berani menolak pegangan arus perdana yang sebelum ini meletakkan kebangsaan sebagai dasar utama.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Cabaran yang dikemukakan oleh pandangan sebahagian penulis yang melihat sastera bukan kebangsaan atau istilah yang dipakai “*sectional literature*” dipinggirkan adalah kerana kesan sejarah dan pemikiran nasionalis. Pandangan sedemikian muncul dengan justifikasi “*Can we improve our human rights record this year?*” (Divakaran, 2017, hal. 1). Persoalan yang dikemukakan oleh Divakaran ialah untuk melihat kembali bagaimana mendefinisikan seni dalam konteks Malaysia. Pemikiran *pluralism* menyebar dengan mudah apabila merujuk Malaysia sebagai negara yang unik dengan ciri pelbagai kaum dan pelbagai budaya yang diamalkan. Berdasarkan pemikiran homogen yang cuba dibentuk berasaskan pemikiran “*It’s about us living together and doing things together*”, sebagaimana kenyataan Hatta Azad Khan dipetik

oleh Divakaran (2017, hal. 2). Bagaimana identiti bangsa Malaysia yang ingin diprojekkan ke dunia luar? Persoalan ini seolah-olah Dasar Kebudayaan Kebangsaan gagal mencapai matlamatnya. Justeru dalam konteks “*human rights*” kebudayaan kebangsaan boleh dicabar. Hujah ini ikut mencabar kedudukan sastera kebangsaan yang dianggap berteraskan kaum Melayu sahaja.

Pada tulisan yang sama, nada mencabar sastera kebangsaan dibangkitkan. Krisis keyakinan kerana perkembangan komunikasi massa yang lebih kuat menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara, khususnya dalam dunia akademik dan masyarakat metropolis mula melunturkan kepercayaan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan. Maka muncul segelintir kelompok ahli akademik muda yang mula menyoalkan kemampuan bahasa sendiri tanpa memahami dasar-dasar sedia ada. Jelasnya, mereka lebih terpengaruh dengan sastera Inggeris yang dianggap sebagai sastera yang menggunakan bahasa komunikasi utama dunia. Dengan itu muncul idea supaya penulis yang inginkan penyebaran lebih meluas atau mendunia perlu mengarang dalam bahasa Inggeris. Sekali lagi muncul tanggapan bahawa pengarang seperti Muhammad Haji Salleh dan Syed Alwi Syed Hassan yang berlatarbelakangkan sastera Inggeris menjadi mangsa gerakan nasionalis, kembali ke negara dan memilih untuk menulis dalam bahasa Melayu yang dianggap terkebelakang. Divakaran (2017) memetik pandangan ahli akademik muda sastera Inggeris Mas Rynna,

The beauty of the English language is that everybody becomes sama rata (equal). Regardless of person's race, the English language binds us (together) even though the local culture and settings are Malaysian” ... She adds that this is different from writing in Malay, where the literary content is dominated by religion, and cultural roots and upbringing.

(hal. 3)

Sebaliknya, cabaran yang sama dikemukakan oleh Quayum (2008) bahawa penulis sastera Inggeris dimarginalkan kerana konsep sastera kebangsaan dan bahasa kebangsaan yang menguasai arus perdana. Sastera Inggeris disisihkan dan mereka tidak dapat berkembang dengan sewajarnya. Situasi sosiopolitik negara tidak menyebelahi sastera Inggeris dan ini mematikan penulis yang ingin menulis dalam bahasa Inggeris yang dianggap diancam oleh dasar kebangsaan, termasuk kerana sastera kebangsaan dan bahasa kebangsaan yang kukuh sejak sekian lama. Jerome dan Sue Hie (2015) menyatakan,

very few studies have examined the dilemma that Malaysian writers experience in writing about the identities of their characters and their own identities in the process (i.e. identify themselves primarily in terms of ethnicity and religion, or embrace various identities in calling themselves an individual and a member of their ethnic and national community). This is probably because of the more common (and obviously critical!) dilemma facing many writers of the tradition over the years, as Quayum (2008) contends is whether to continue writing or otherwise, given the sociopolitical conditions affecting their crafts as well as the rigid and exclusive policies pertaining to national language and literature which have relegated Malaysian literature in English to a marginal status in the country.

(hal. 1-2)

Haji Salleh (2010) membahaskan isu yang dibangkitkan oleh Wong Phui Nam tentang kerelevanan sastera berbahasa Inggeris sebagai sastera Malaysia. Wong Phui Nam

mempersoalkan kesahihan buku *An Anthology of Contemporary Malaysian Literature* susunan Muhammad Haji Salleh yang hanya mengumpulkan karya-karya berbahasa Melayu sebagai hasil sastera Malaysia. Malahan kualiti karya yang dipilih juga dipertikaikan. Sekali lagi persoalan konsep sastera kebangsaan dan sastera Malaysia diperdebatkan. Haji Salleh menegaskan bahawa bahasa yang dikongsi warganegara Malaysia adalah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Justeru sastera berbahasa Melayu adalah sastera kebangsaan. Haji Salleh (2010) menambah kekuatan sastera berbahasa Melayu secara sejarah sebagai berikut,

It was imperial, forced from above and has never belonged to the country, and not of the land. The biggest language of the country was and is Malay, which was also the lingua franca of Southeast Asia for more than a millennium, and has one of the largest literary corpuses in Asia and beyond.

(hal. 157)

Isu-isu yang muncul dalam istilah kebangsaan juga menyebabkan berlaku krisis keyakinan terhadap identiti generasi baharu Malaysia yang terkeliru dengan identiti bangsa Malaysia dengan identiti kaum atau etnik masing-masing. Krisis keyakinan ini bertambah parah apabila ada tesis-tesis di luar negara yang mula menggunakan istilah aneh yang berbekalkan motto “Malaysia Boleh”. Apa sahaja yang beridentitikan kebangsaan yang berteraskan satu kaum dianggap akan terhapus, dan kefahaman ini adalah mengancam konsep kebangsaan bahasa Melayu yang dianggap berasaskan satu kaum. Mereka memilih untuk menekankan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyatuan bagi identiti bangsa Malaysia. Kalangan berbahasa Inggeris sedang memuncakkan identiti berasaskan bahasa Inggeris dan ini secara tidak langsung sedang juga mengancam kedudukan sastera Melayu sebagai sastera kebangsaan. Konsep “Malaysia Malaysian” berasaskan “Malaysia Boleh” dianggap sebagai satu kelebihan yang pada satu hari nanti akan tiba masanya untuk meraikan persamaan dalam kepelbagaian (Faizah, 2012, hal. 361).

Pandangan lanjut tentang krisis keyakinan tentang kemampuan sastera kebangsaan yang dicabar dari setiap peringkat menyebabkan timbul kesan ketidakpedulian masyarakat terhadap dasar sedia ada Dasar Kebudayaan Kebangsaan, atau sengaja untuk tidak dipedulikan atas dasar sastera kebangsaan yang dianggap bersifat satu kaum. Justeru muncul pandangan seperti Rahamad (2012), mencadangkan dasar sastera kebangsaan dibentuk dengan menerima pakai semangat Dasar Kebudayaan Kebangsaan dengan hujah utama beliau bahawa definitif negara bangsa tidak dicorakkan oleh budaya imigran.

Isu imigran mendapat perhatian untuk dipertimbangkan kerana dengan kemasukan jumlah imigran secara besar-besaran ke Malaysia telah mengubah pola persepsi sosial dan politik masyarakat. Pada tahun 2016, jumlah penduduk Malaysia dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mencapai 31.7 juta orang. Etnik Bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi bagi kategori penduduk warganegara di Malaysia iaitu sebanyak 68.6%. Sebanyak 89.7% adalah warganegara, dan 10.3% adalah bukan warganegara (Jabatan Perangkaan, 2016).

Dianggarkan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang tidak berdaftar sekali ganda ramai imigran yang berdaftar iaitu 10.3%. Oleh itu dengan perkiraan mudah jumlah imigran adalah sekitar tujuh juta orang. 1/6 daripada jumlah penduduk adalah imigran yang tidak bertutur bahasa Melayu atau menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Justeru 20% bilangan mereka bergabung dengan penutur lain yang dianggarkan lebih 50% bukan berbahasa Melayu sebagai bahasa utama, menjadikan jumlah penutur bukan berbahasa Melayu adalah 70% daripada penduduk Malaysia. Statistik mudah ini akan mengancam penggunaan bahasa Melayu

sebagai bahasa kebangsaan, jika sektor perkhidmatan yang sepatutnya memainkan peranan tidak berfungsi. Bahasa Inggeris dipercayai akan lebih mudah mengambil tempat sebagai bahasa komunikasi dan ini akan mencabar kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, secara tidak langsung mengancam kelangsungan sastera kebangsaan.

3.0 METODOLOGI

Metode deskriptif dan metode kajian perbandingan digunakan dalam meneliti data-data kajian. Kajian ini bertolak daripada sorotan kajian berasaskan isu-isu kontemporari yang membangkitkan perubahan dan pengukuhan kefahaman terhadap isu sastera kebangsaan. Muncul tulisan-tulisan berbentuk esei dan tesis yang mendesak sastera “sectional” diletakkan pada tempat yang sama dengan sastera kebangsaan. Sastera Inggeris cuba diangkat sebagai sastera yang mampu mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa, dan adanya cubaan untuk mengangkat sastera Inggeris khususnya sebagai sastera yang mampu menyatukan bangsa Malaysia. Cabaran ini dilihat dari perspektif pascamoden, dengan alasan-alasan hak dan keadilan sastera Inggeris khususnya yang dianggap terpinggir.

Justeru itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melakukan analisis perbandingan pandangan berasaskan perspektif sejarah, konsep sastera kebangsaan dan sastera sukuan atau sastera “sectional” sebagai satu konsep yang berbeza. Objektif kajian ini untuk menunjukkan perbezaan antara konsep sastera kebangsaan dengan konsep sastera bukan kebangsaan yang telah sedia dikonsepsuakan sejak tahun 1970-an. Analisis isu dijalankan untuk mendapatkan mengapa pandangan ini berlaku dan adakah perkembangan pemikiran pascamoden semakin menggugat kefahaman terhadap sastera kebangsaan Malaysia. Dengan itu, penemuan kajian, hasil perbandingan perbahasan fakta dan pembuktian dari sumber-sumber data kontemporari dikemukakan untuk menegaskan rasional sastera kebangsaan dibentuk sebagai satu identiti nasional sastera Malaysia.

4.0 HASIL KAJIAN

Analisis menunjukkan bahawa pertembungan pendapat muncul kerana beberapa pengamal sastera Inggeris cuba mencabar kedudukan sastera Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Persepsi terhadap sastera Inggeris sebagai sastera marginal menyebabkan pemikiran pascamoden mudah mempengaruhi pendirian pihak yang mencabar kewujudan sastera kebangsaan. Mereka menganggap sastera Melayu yang dipengaruhi pemikiran nasionalis tidak mampu untuk membawa imej sastera Malaysia.

Pandangan Wong Phui Nam sewaktu menjawab soalan provokasi Quayum (2013), mengapa sastera Malaysia tidak terkenal dan tidak mendapat hadiah Nobel dijawab oleh Phui Nam dengan lebih terbuka. Quayum juga menyoal apakah Phui Nam merasa tersisih kerana menulis dalam bahasa Inggeris sejak Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dimaktubkan dan bahasa Melayu lebih mendapat keistimewaan. Secara positif Phui Nam menjawab isu ini muncul kerana kita terlalu euro sentrik. Terikut dengan pandangan Eropah yang menilai sastera kita atau sastera Malaysia. Dari sudut yang lain, Phui Nam menjelaskan keterlibatannya adalah berasaskan pendidikan awalnya dan minatnya dalam sastera Inggeris. Dia tidak peduli kerana khalayak pembacanya tidak semestinya orang Malaysia, ia boleh jadi siapa sahaja pembaca dari luar Malaysia. Phui Nam berpandangan sastera yang maju adalah sastera yang mampu ditulis untuk di mana sahaja di dalam dunia. Quayum (2013) menyatakan,

The fact that the question is asked, not just this once, about Malaysia's 'failure' to win the Nobel Prize shows that many of us still buy into this Euro-centric attitude. Other than the Nobel, the Booker, the Whitbread, and such-like prizes are also of interest to us who are readers and writers, but I think we need not be overly exercised by the thought of their being so out of reach to Malaysians.

(hal. 81)

Haji Salleh memberi pandangan yang sama apabila disoal berkenaan dengan konsep bangsa Malaysia yang didebatkan sejak mutakhir ini. Tidak banyak perkara yang boleh menyatukan rakyat Malaysia secara langsung untuk memiliki kebersamaan. Muhammad melihat kegagalan struktur pendidikan Malaysia yang menyebabkan etnik atau kaum boleh memilih pendidikan mereka sendiri tanpa perlu belajar atau lulus bahasa kebangsaan dan boleh melanjutkan pelajaran ke universiti luar negara. Bagaimana hendak membentuk bangsa Malaysia yang bersatu jika sistem pendidikan berasaskan kaum? Pada masa yang sama Haji Salleh sinis dan lebih pesimis, menjangkakan identiti rakyat Malaysia sedang menuju kehancuran, terapung dengan sampah tsunami global (Quayum, 2006, hal. 10).

Pada tahun 2016, di New York, sekali lagi cabaran tentang identiti sastera kebangsaan diwacanakan oleh sarjana di luar negara. Koh Jee Leong membincangkan kertas yang dibentangkan oleh Sheela Jane Menon dan Jini Kim Watson di Kolokium *New York University's Postcolonial, Race and Diaspora Studies*. Mereka membahaskan polemik antara Wong (2010) dan Haji Salleh (2010).

Wong (2010) mencabar kefahamannya terhadap kedudukan sastera kebangsaan dengan mengatakan,

If [Malay literature] is considered to be of sufficient weight by itself to stand alone as Malaysia's national literature, then Malaysia has to be a mono-cultural backwater state that has barely left the 19th century behind, as the cultural nationalists wish it to be, and not a country with a diversity of cultures and a literature that speaks with a multiplicity of tongues that it, in fact, is.

(hal. 109)

Koh (2016) mencabar ketegasan Haji Salleh dalam mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa bagi sastera kebangsaan. Malahan debat ini dianggap sebagai debat berkenaan dominan Melayu versus Identiti Malaysia. Sastera Malaysia dianggap terperangkap dengan aturan identiti kaum yang rigid dan batasan linguistik. Ungkapan "Malaysia Boleh" digunakan sebagai motif sinis mencabar kedudukan sastera kebangsaan yang dianggap tidak mewakili *communal* sastera dan membentuk stratifikasi sastera.

This exchange between Wong and Muhammad demonstrates some of the central tensions in an ongoing debate over language, literature, and culture in Malaysia. It's a debate that's really about Malay versus Malaysian identity, and I'll cover a few key perspectives on that distinction during the first half of my talk. This ongoing tension illustrates how Malaysian literature, like so much of Malaysian cultural life, is organized along rigid racial and linguistic borders. These divisions, unfortunately, are central to Malaysian multiculturalism. Ignoring material differences in the lived experiences of Malaysians, the state presents Malaysia as an exemplary

Asian nation – uniquely diverse yet harmonious. However, the reality is that national policy on multiple fronts (including literature and the arts) prioritizes Malay culture over that of Indian, Chinese, Peranakan, and Indigenous Orang Asli/Orang Asal communities. This brand of what I call “exceptional multiculturalism” masks the deep divide between how Malaysia markets itself to the world, and the realities of racial (and literary) stratification at home.

(Koh, 2016, hal. 1)

Cubaan untuk melakukan dekonstruksi terhadap kewujudan sastra kebangsaan dilaksanakan melalui wacana akademik. Menon dan Watson (2016) telah melakukan cubaan untuk menilai kembali kedudukan sastra kebangsaan yang diteraskan kepada sastra berbahasa Melayu. Cubaan itu datang dengan harapan untuk membentuk secara perlahan-lahan sastra Malaysia yang *multiculturalism* dan pelbagai diiktiraf sebagai sastra kebangsaan. Cubaan ini dapat diungkapkan dengan petikan berikut,

I hope I’ve demonstrated today how Malaysian literature is being “continually reshaped” to encompass multiple languages, subcultures, identities, and geographies. I hope I’ve also indicated some of the ways in which our understanding of Malaysian literature needs to be expanded even further in order to be more critically and creatively inclusive. This approach to national literature requires that we embrace cultural production and multiculturalism in their messiest and most enticing forms: mixed, mixed-up, and unbound.

(Menon & Watson, 2016, hal. 4)

Secara ironikal, Wong Phui Nam mengaku bahawa bahasa Inggeris tidak mampu untuk dijadikan bahasa penyatuan di Malaysia. Bahasa Inggeris hanya mempunyai pembaca serius yang berjumlah hanya sekitar 2-3% sahaja daripada jumlah penduduk Malaysia. Oleh itu Phui Nam mengakui bahawa bahasa Inggeris bukan bahasa yang boleh dituntut sebagai bahasa rakyat Malaysia. Justeru bahasa Inggeris tidak mampu menjadi bahasa sastra yang serius untuk ditulis oleh rakyat Malaysia.

Though increasingly recognized as a second language and, in varying degrees of proficiency, spoken widely in the urban areas, English has not taken root so deeply in this country as to make it a language that Malaysians can claim as their own. Therefore, not many Malaysians know the language well enough to make them want to take a serious interest in literature written in English. I think that, as a language for serious reading, English can account for no more than two or three percent of the population – a situation not helped by the average Malaysian’s lack of interest in reading ... Very few Malaysians have the confidence in their own judgment to speak up about writing produced in this country – especially since they do not find anything on Malaysian literature in foreign newspapers and journals.

(Samad & Wong, 1999, hal. 99)

Pada tahun 2011, Antonio Paoliello sarjana Sepanyol yang menulis disertasi kedoktorannya di Universitat Autònoma de Barcelona, membincangkan pandangan secara pro dan kontra kedudukan sastra Melayu sebagai sastra kebangsaan dan sastra berbahasa lain dalam sastra Malaysia dengan merujuk beberapa tulisan termasuk tulisan Wong (2009) dan tulisan Hussein

(2006). Hujah-hujahnya berasaskan tuntutan dan peminggiran yang dianggap oleh penggiat sastera Tionghua. Hasilnya beliau merumuskan bahawa,

However, within Malaysian, the mere fact of their literature being written in a language other than the national language, automatically classifies them as ethnic or community writers. Hence, their literature is the literature of the ethnic Chinese community of Malaysia, but it does not belong to national literature of Malaysia.

(Paoliello, 2011, hal. 129)

Pandangan terakhir muncul oleh Hazwani (2017), penulis generasi muda yang mengupas tulisan Divakaran (2017). Hazwani menolak pandangan Mas Rynna Wati Ahmad yang dipetik Divakaran yang mengatakan dunia sastera tempatan tidak berkembang kerana penggunaan bahasa Melayu sebagai medium. Mas Rynna (2017) menganggap bahasa Melayu mengongkong pengarang terhadap agama, akar budaya dan nilai didikan. Malahan mendesak supaya pengarang tempatan berubah dan mengarang dalam bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris dianggap akan melepaskan pengarang daripada nilai tradisi yang mengikat, sekali gus membolehkan pengarang bebas membincangkan pelbagai isu. Sebaliknya, Hazwani berpandangan kelemahan sastera Melayu bukan kerana medium bahasanya, tetapi aspek-aspek lain yang lebih penting perlu dikaji dari segi kualiti karya dan aspek penerbitannya.

5.0 RUMUSAN

Makalah ini menganalisis isu-isu berkaitan konsep sastera kebangsaan yang masih dianggap didominasi oleh sastera Melayu sejak gerakan nasionalis muncul dalam sejarah perkembangan sosiopolitik Malaysia. Isu berkaitan istilah sastera kebangsaan dan sastera Malaysia dijadikan pentakrifan yang mempunyai horizon yang bertindih. Sastera Melayu diterima sebagai sastera kebangsaan, bagaimanapun sastera lain yang bersifat sukuan, dan berbahasa lain selain daripada berbahasa Melayu juga ingin dianggap sebagai layak sebagai mewakili sastera Malaysia.

Justeru, kecelaruan konsep antara sastera kebangsaan dan sastera Malaysia digunakan untuk mencabar kedudukan sastera berbahasa Melayu. Sehubungan itu juga, menimbulkan pula isu kemudahan prasarana yang dituntut oleh pejuang sastera bukan berbahasa Melayu untuk mendapat kemudahan yang sama dalam kemajuan sastera Malaysia.

Seterusnya, seperti ada tanggapan bahawa institusi yang menjaga perkembangan sastera kebangsaan tidak berfungsi dengan baik dari segi penggalakan perkembangan sastera terutama dari segi penerbitan. Oleh itu mereka mencari alternatif lain yang disebut juga sebagai Kumpulan Indie. Alternatif untuk merombak konvensyen norma-norma sedia ada dalam institusi dan organisasi sastera kebangsaan menyebabkan mereka memilih untuk bergerak tanpa mengikut prinsip-prinsip sastera kebangsaan yang dianggap *decadent* dan mendominasi arus perdana.

Selanjutnya, muncul kelompok generasi muda sastera bukan berbahasa Melayu, khususnya yang berbahasa Inggeris mencabar kedudukan sastera kebangsaan. Mereka tidak lagi menganggap sastera berbahasa Melayu sebagai sastera yang boleh maju ke hadapan kerana terikat dengan nilai budaya Melayu, nilai tradisional dan agama Islam. Ukuran skala yang digunakan ialah kedudukan sastera berbahasa Inggeris adalah sastera yang lebih diterima di peringkat antarabangsa. Sikap ini merupakan satu krisis identiti yang beranggapan bahasa Inggeris adalah bahasa yang lebih dominan pada masa depan.

Isu menjadi lebih memuncak dengan munculnya kajian akademik di luar negara yang tidak meletakkan sejarah sebagai asas penting kewujudan sastera kebangsaan. Kajian-kajian yang bersifat kontemporari dan menggunakan pendekatan pascamoden serta pascakolonial bereksperimen dengan istilah “marginaliti” dan “subaltern”, yang melihat sastera bukan berbahasa Melayu diabaikan dan tersisih. Kajian berbentuk tesis pascasarjana di luar negara ini menggunakan konsep yang lebih terbuka atas dasar multikulturalisme dan kepelbagaian, sehingga menerjah masuk ke dalam konseptual popular seperti istilah “Bangsa Malaysia” dan “Malaysia Boleh” sebagai satu bentuk identiti baharu bagi mencabar kefahaman terhadap sastera kebangsaan.

Maka dengan itu, disarankan semua pihak termasuk individu, penggiat, organisasi dan institusi berkaitan sastera berbahasa Melayu dan bukan berbahasa Melayu untuk dirangkumkan dalam satu wadah sastera kebangsaan. Satu majlis bersama seperti Majlis Kesusasteraan Kebangsaan boleh dibentuk untuk berkongsi bersama idea dan pandangan bagi mengukuhkan kemajuan sastera kebangsaan dalam semua peringkat terutama mendekatkan jurang generasi dan jurang kefahaman terhadap cabaran serta permasalahan semasa sastera kebangsaan. Ini termasuk menjelaskan konsep sastera kebangsaan sebagai sastera Malaysia yang rasmi untuk mewakili sastera Malaysia ke luar negara. Bagaimanapun sastera bukan berbahasa Melayu boleh berkembang dengan sendirinya mengikut acuan masing-masing. Konsep ini sebenarnya sudah jelas sejak sekian lama.

Secara langsung, konsep sastera kebangsaan perlu diperjelaskan di mana-mana dalam kurikulum pendidikan mata pelajaran sastera dan KOMSAS di sekolah bagi mendidik generasi muda tentang kedudukan sastera Melayu sebagai sastera kebangsaan. Sebaliknya, secara tidak langsung bersediakah penggubalan aliran sastera dan aliran bukan sastera disatukan dalam sistem pendidikan negara, walaupun perkara ini sudah acap kali dikemukakan.

Akhirnya, kedudukan sastera kebangsaan adalah turut bergantung kepada kemajuan bahasa kebangsaan. Kelemahan pelaksanaan dan amalan bahasa kebangsaan pada semua peringkat turut tempias bagi kemajuan sastera kebangsaan yang tidak mendapat perhatian masyarakat, selain kualiti sastera kebangsaan itu sendiri yang dipandang masih tidak memberangsangkan. Impaknya, bilangan penutur bukan berbahasa Melayu semakin mengecil minatnya terhadap sastera kebangsaan, malahan penutur berbahasa Melayu juga semakin tidak mempedulikannya.

RUJUKAN

- Divakaran, P. (2017). This year, the arts will be all about challenging traditional perceptions. Diambil daripada <http://www.star2.com/topics/year-starter-2017/2017/01/01/this-year-the-arts-will-be-all-about-challenging-traditional-perceptions/#wfjd7HZIaAfFQaYg.99>
- Faizah, I. (2012). *The construction of shared Malaysian identity in the upper secondary English literature classroom*. (Published doctoral thesis). School of Education, The University of Nottingham.
- Hazwani, R. (2017, Januari 6). Bahasa Melayu tak kongkong kreativiti. *Berita Harian*. Diambil daripada <http://www.bharian.com.my/node/230883>
- Hooker, V.M. (2004). *Reconfiguring Malay and Islam in contemporary Malaysia*. Singapore: NUS Publishing.

- Hussein, I. (2006). Literary organisations in Malaysia. *Persidangan Penulis ASEAN 1977 – Conference of ASEAN Writers 1977* (pp. 145-158). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perangkaan, Malaysia. (2016). Anggaran penduduk semasa, Malaysia, 2014-2016. Diambil daripada https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=155&bul_id=OW1xdEV0YlJCS0hUZzJyRUcvZEYxZz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVVSZklWd
- Jerome, C. & Su Hie, T. (2015). Diverse construction of identities in contemporary Malaysian literature: Challenges in deconstructing and teaching literature. In: *Proceedings of the International Seminar on Language Teaching ISeLT, 2015, Bangi, Malaysia, 9 November 2015* (pp. 4-5). Diambil daripada <https://ir.unimas.my/9519/>
- Haji Salleh, M. (2010). From the cave of denial and discontent, darkly: Response to Wong Phui Nam's review of an anthology of contemporary Malaysian literature. *Asiatic*, 4(1), 156-160.
- Koh, J.L. (2016). Malaysia boleh: The politics of national literature & language. Diambil daripada <https://singaporepoetry.com/2016/10/07/malaysia-boleh-the-politics-of-national-literature-language/>
- Menon, S.J. & Watson, J.K. (2016). Contexts and texts: Writing and translating in Malaysia and Singapore. Retrieved from <https://englishchannel.hosting.nyu.edu/event/contexts-and-texts-writing-and-translating-in-malaysia-and-singapore/>
- Paoliello, A. (2011). *Self, other and other-self: The representation of identity in contemporary sinophone Malaysian fiction*. (Published doctoral tesis). Departament de Traducció i Interpretació, Universitat Autònoma de Barcelona.
- Quayum, M.A. (2006). On a journey homeward: An interview with Muhammad Haji Salleh. *Postcolonial Text*, 2(4), 1-13.
- Quayum, M.A. (2008). Interrogating Malaysian literature in English: Its glories, sorrows and thematic trends. *Kunapipi*, 30(1), 149-168.
- Quayum, M.A. (2013). Interview with Phui Nam. Diambil daripada https://www.academia.edu/11755939/Interview_with_Wong_Phui_Nam
- Rahamad, M.S. (2012). *Dasar sastera kebangsaan: Penegasan kebudayaan bagi pembentukan negara bangsa*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samad, D.R. & Wong, P.N. (1999). A heritage of fragments: An interview with Wong Phui Nam. *Manoa*, 11(1), 98-109.
- Wong, P.N. (2009). *Towards a national literature*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Wong, P.N. (2010). Review of an anthology of contemporary Malaysian literature, by Muhammad Haji Salleh. *Asiatic*, 4(1), 102-110.